

## HELAIAN KETERANGAN PRODUK

(Sila baca Helaiian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai “IKHLAS Perlindungan Tenang”. Sila pastikan juga anda membaca terma dan syarat am).

**PRODUK: IKHLAS Perlindungan Tenang**

**DIURUSKAN OLEH: TAKAFUL IKHLAS FAMILY BERHAD**

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Tarikh: 07/02/2022

### 1) Produk apakah ini?

Pelan ini adalah pelan perlindungan berkelompok diperbaharui setiap tahun diperkenalkan secara eksklusif untuk pelanggan-pelanggan Bank Muamalat Malaysia Berhad. Ianya menyediakan manfaat kewangan terhadap Kematian/ Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) akibat semulajadi dan kemalangan setiap masa dan di mana sahaja di seluruh dunia.

### 2) Apakah konsep-konsep Syariah yang diguna pakai?

- **Tabarru'** - bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan Peserta-peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu semua Peserta-peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks pihak Syarikat, Tabarru' akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko.
- **Wakalah** - merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful dan Yuran Wakalah (*Ujrah*) akan dibayar kepada pihak Syarikat.

Nota: “pihak Syarikat” merujuk kepada Takaful Ikhlas Family Berhad.

### 3) Apakah perlindungan-perindungan/manfaat-manfaat yang ditawarkan?

a) Pelan untuk IKHLAS Perlindungan Tenang seperti berikut:

Manfaat-Manfaat	Umur 16 - 30 tahun	Umur 31 - 40 tahun	Umur 41 - 50 tahun	Umur 51 - 60 tahun
Kematian/ HUMK akibat Semulajadi	RM22,500	RM20,000	RM9,000	RM2,750
Kematian/ HUMK akibat Kemalangan	RM45,000	RM40,000	RM18,000	RM5,500
Badal Haji	RM1,500	RM1,500	RM1,500	RM1,500
Perbelanjaan Serta-Merta Kematian	RM3,500	RM3,500	RM3,500	RM1,250

Nota:

1. Hanya satu pelan dibenarkan untuk setiap Orang Yang Dilindungi.
2. Sekiranya Orang Yang Dilindungi mempunyai lebih dari satu pelan, kami akan membayar tuntutan berdasarkan Sijil Takaful pertama yang dikeluarkan. Pelan-pelan lain akan ditamatkan dan kami akan memulangkan semula Sumbangan Takaful yang telah diterima.

b) Berikut disenaraikan keterangan manfaat yang ditawarkan:

Manfaat-Manfaat	Keterangan
Kematian/ HUMK akibat Semulajadi	Semasa kematian / Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal Orang Yang Dilindungi akibat semulajadi, amaun perlindungan akan dibayar kepada Peserta Takaful Induk untuk Skim dengan Kepentingan Takaful Yang Dibenarkan ( <i>with Permissible Takaful Interest</i> ) dan dibayar kepada Orang Yang Dilindungi atau pihak penuntut yang wajar untuk Skim tanpa Kepentingan Takaful Yang Dibenarkan ( <i>without Permissible Takaful Interest</i> ).
Kematian/ HUMK akibat Kemalangan	Semasa kematian / Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal Orang Yang Dilindungi akibat kemalangan, amaun perlindungan akan dibayar kepada Peserta Takaful Induk untuk Skim dengan Kepentingan Takaful Yang Dibenarkan ( <i>with Permissible Takaful Interest</i> ) dan dibayar kepada Orang Yang Dilindungi atau pihak penuntut yang wajar untuk Skim tanpa Kepentingan Takaful Yang Dibenarkan ( <i>without Permissible Takaful Interest</i> ).

Badal Haji	Semasa kematian Orang Yang Dilindungi, pihak Syarikat akan membayar manfaat Badal Haji kepada penama. Bagi yang bukan Islam, manfaat ini akan dibayar sebagai tambahan kepada manfaat Perbelanjaan Serta-Merta Kematian.
Perbelanjaan Serta-Merta Kematian	Sekiranya Orang Yang Dilindungi meninggal dunia, pihak Syarikat akan membayar manfaat seperti yang dinyatakan dalam Sijil Takaful Induk, sekiranya bukti yang memuaskan diterima.

Sila baca Sijil Takaful Induk untuk butiran Manfaat Takaful.

#### 4) Berapakah jumlah Sumbangan Takaful yang perlu dibayar?

Jumlah Sumbangan Takaful yang anda perlu bayar seperti yang tertera di bawah:

<b>IKHLAS Perlindungan Tenang</b>	
Jumlah Sumbangan Takaful Tahunan	<b>RM75.00</b>

Nota: Cukai tidak terpakai untuk pelan ini.

#### 5) Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?

Caj-caj yang dikenakan adalah seperti berikut:

<b>Yuran Wakalah</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Komisen</li> <li>• Perbelanjaan Pengurusan</li> </ul>	40% daripada Sumbangan Takaful <ul style="list-style-type: none"> <li>• 10% daripada Sumbangan Takaful</li> <li>• 30% daripada Sumbangan Takaful</li> </ul>
<b>Duti Setem</b>	RM10.00 (Dikecualikan untuk sumbangan tahunan tidak melebihi RM100 sehingga 31 Disember 2025)

#### 6) Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu diketahui?

- a) Pendedahan maklumat – anda dikehendaki mendedahkan semua maklumat dan fakta seperti umur, pekerjaan dan keadaan kesihatan dengan betul. Pihak Syarikat mempunyai hak untuk menolak pembayaran tuntutan jika anda didapati gagal untuk mendedahkan maklumat yang relevan yang akan mempengaruhi keputusan untuk menerima atau menolak risiko, dan tentang peruntukan-peruntukan yang akan ditetapkan pada anda.
- b) Tempoh Bertenang (Hak Untuk Pembatalan) – Dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh Sijil Takaful Induk diterima, Peserta Takaful Induk boleh memulangkan Sijil Takaful Induk kepada pihak Syarikat dan pihak Syarikat akan membatalkannya serta-merta selepas penerimaannya dan akan memulangkan semula Sumbangan Takaful. Apabila Sijil Takaful Induk dipulangkan kepada pihak Syarikat dan dibatalkan oleh pihak Syarikat, ianya akan dianggap tidak berkuat kuasa dari tarikh ianya dikeluarkan.
- c) Adalah penting untuk anda menerima resit dan menyimpannya sebagai bukti pembayaran Sumbangan Takaful.
- d) Jika anda tidak menerima Sijil Takaful Induk selepas empat belas (14) hari dari tarikh penyertaan, sila hubungi kami.
- e) Notis tuntutan haruslah dibuat secara bertulis kepada Syarikat dalam masa tiga puluh (30) hari selepas berlakunya kejadian yang mengakibatkan tuntutan. Setelah notis tuntutan dikemukakan, pihak Syarikat akan memberikan borang-borang berkaitan kepada pihak yang melakukan tuntutan bagi memfailkan bukti tuntutan serta memaklumkan pihak yang menuntut akan keperluan-keperluan lain yang mungkin diperlukan. Walaubagaimanapun, ini tidak akan menghalang pihak Syarikat dari meminta dokumen yang selanjutnya mengenai tuntutan tersebut sekiranya didapati perlu. Kesemua maklumat dan bahan bukti ini hendaklah dikemukakan kepada Syarikat dalam tempoh sembilan puluh (90) hari daripada tarikh berlakunya peristiwa-peristiwa yang dilindungi.
- f) Hanya satu pelan dibenarkan untuk setiap Orang Yang Dilindungi. Sekiranya Orang Yang Dilindungi mempunyai lebih dari satu pelan, kami akan membayar tuntutan berdasarkan Sijil Takaful pertama yang dikeluarkan. Pelan-pelan lain akan ditamatkan dan kami akan memulangkan semula Sumbangan Takaful yang telah diterima.

Nota: Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk Sijil Takaful Induk untuk terma-terma dan syarat-syarat di bawah Sijil Takaful Induk ini.

**7) Apakah pengecualian-pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil Takaful Induk ini?**

**a) Pengecualian Kematian**

Tiada manfaat akan dibayar di bawah Sijil Takaful Induk ini sekiranya Orang Yang Dilindungi meninggal dunia secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh mana-mana satu kejadian berikut:

**Akibat Semulajadi** (*jika diguna pakai*)

- (i) Akibat membunuh diri, sama ada waras atau tidak dalam tempoh dua belas (12) bulan dari Tarikh Kuat kuasa Individu; atau
- (ii) Keadaan Sedia Ada jika diguna pakai seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama.

**Akibat Kemalangan** (*jika diguna pakai*)

- (i) Sebarang pelanggaran undang-undang atau cubaan pelanggaran undang-undang atau penentangan terhadap penangkapan oleh Orang Yang Dilindungi; atau
- (ii) Penyertaan dalam rusuhan, kacau-bilau awam, pemberontakan, perang (sama ada diisytiharkan atau tidak), revolusi atau sebarang operasi peperangan, tindakan musuh asing, sebarang kegiatan keganasan dan peperangan kimia; atau
- (iii) Bunuh diri atau sebarang cubaan ancaman atau memudaratkan diri sendiri semasa siaman atau tidak siaman; atau
- (iv) Jika Orang Yang Dilindungi berada di bawah pengaruh alkohol melebihi tahap yang dibenarkan oleh undang-undang atau dadah selain daripada preskripsi yang diberikan oleh pengamal perubatan yang berdaftar; atau
- (v) Sebarang jenis penyakit yang disebabkan oleh bukan daripada Kemalangan.

**b) Pengecualian HUMK**

Amaun Perlindungan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal tidak akan dibayar jika disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh perkara-perkara berikut:

- (i) Cubaan membunuh diri atau tindakan memudaratkan diri sendiri oleh Orang Yang Dilindungi ketika siaman atau tidak siaman; atau
- (ii) Akibat penyalahgunaan dadah atau di bawah pengaruh alkohol; atau
- (iii) Penyertaan dalam sebarang kegiatan jenayah, rusuhan, rusuhan awam, pemberontakan, peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), revolusi atau sebarang jenis operasi berbentuk peperangan, tindakan musuh asing, sebarang tindakan keganasan dan peperangan kimia.

Nota: Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk kepada Sijil Takaful Induk untuk senarai penuh pengecualian-pengecualian di bawah Sijil Takaful Induk ini.

**8) Berapa lama tuntutan akan dibayar?**

Bayaran untuk tuntutan kematian akan dibuat dalam tempoh 5 hari bekerja, dan bayaran untuk tuntutan lain akan dibuat dalam tempoh 7 hari bekerja, dari penerimaan pemberitahuan tuntutan dengan dokumen sokongan yang lengkap.

**9) Bolehkah Sijil Takaful ini dibatalkan?**

Anda boleh membatalkan Sijil Takaful dengan mengemukakan notis bertulis kepada Pengendali Takaful. Selepas pembatalan, tiada sebarang amaun akan dibayar kepada anda. Perlindungan takaful anda akan tamat pada ulang tahun tarikh kuat kuasa.

**10) Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?**

Adalah penting anda memaklumkan kepada Bank Muamalat Malaysia Berhad tentang sebarang perubahan pada maklumat/alamat untuk memastikan semua komunikasi perhubungan sampai kepada anda dalam jangka masa ditetapkan.

**11) Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Takaful Keluarga, sila rujuk kepada buku panduan *info insurans* mengenai 'Takaful Keluarga'. Anda boleh memperolehnya di [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my)

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai *IKHLAS* Perlindungan Tenang sila hubungi kami di:

**Takaful Ikhlas Family Berhad (No. Pendaftaran 200201025412)**

Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan  
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South  
No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur

Tel: +603-2723 9696

Faks: +603-2723 9998

Laman sesawang : [www.takaful-ikhlas.com.my](http://www.takaful-ikhlas.com.my)

Emel: [ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my](mailto:ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my)

**12) Produk seumpama yang boleh didapati**

Sila hubungi cawangan Bank Muamalat Malaysia Berhad yang terdekat untuk maklumat lanjut.

**NOTA PENTING:**

**ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN BAHAWA SIJIL TAKAFUL INDUK INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL INDUK DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL ATAU MENGHUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

**MENURUT PERENGGAN 5 DARIPADA JADUAL 9 AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013, JIKA ANDA MEMOHON TAKAFUL INI SEPENUHNYA UNTUK TUJUAN YANG TIDAK BERKAITAN PERDAGANGAN, PERNIAGAAN ATAU PROFESION ANDA, ANDA MEMPUNYAI KEWAJIPAN UNTUK MENGAMBIL LANGKAH PENJAGAAN MUNASABAH UNTUK TIDAK MEMBUAT SALAH NYATAAN SEMASA MENJAWAB SOALAN-SOALAN DALAM BORANG CADANGAN (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK TAKAFUL INI). ANDA DIKEHENDAKI MENJAWAB SOALAN-SOALAN DENGAN LENGKAP DAN TEPAT.**

**KEGAGALAN UNTUK MENGAMBIL PENJAGAAN MUNASABAH DALAM MENJAWAB SOALAN-SOALAN MUNGKIN MENGAKIBATKAN PEMBATALAN SIJIL TAKAFUL ANDA, PENOLAKAN ATAU PENGURANGAN TUNTUTAN, PERUBAHAN TERMA ATAU PENAMATAN SIJIL TAKAFUL ANDA.**

**KEWAJIPAN PENDEDAHAN DI ATAS ADALAH BERTERUSAN SEHINGGA SIJIL TAKAFUL ANDA DIBUAT, DIUBAH ATAU DIPERBAHARUI DENGAN KAMI.**

**SEBAGAI TAMBAHAN KEPADA SOALAN-SOALAN DI DALAM BORANG CADANGAN (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK TAKAFUL INI), ANDA DIKEHENDAKI UNTUK MENDEDAHKAN APA-APA PERKARA LAIN YANG ANDA TAHU SEBAGAI BERKAITAN KEPADA KEPUTUSAN KAMI UNTUK MENERIMA ATAU TIDAK RISIKO INI DAN MENENTUKAN KADAR DAN TERMA YANG HENDAK DIPAKAI.**

**ANDA JUGA MEMPUNYAI KEWAJIPAN UNTUK SEGERA MEMBERITAHU KAMI SEKIRANYA SETELAH SIJIL TAKAFUL ANDA DIBUAT, DIUBAH, ATAU DIPERBAHARUI DENGAN KAMI, APA-APA MAKLUMAT YANG DINYATAKAN DI DALAM BORANG CADANGAN (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK TAKAFUL INI) TIDAK TEPAT ATAU TELAH BERUBAH.**

*Maklumat yang terdapat dalam Helaian Keterangan Produk ini sah pada: 07/02/2022*